

# Bazar Siswa semarakkan kolej kediaman Unimas

...perlunya aktiviti seperti bazar ini untuk menghidupkan suasana kampus agar pelajar tidak bosan ketika berada di kolej kediaman.

HAMIMI ABU KASSIM dan  
SITI HASNIZA MOHD MUSTAPHA

**B**UAT julung kali, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menganjurkan Bazar Siswa Unimas (BSU) yang berkonsepkan pasar malam bagi memeriahkan kolej kediaman, setiap dua kali sebulan.

BSU dirasmikan oleh Dr. Sopian Bujang selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengetua Kolej Kediaman Unimas.

Majlis perasmian berlangsung meriah dengan kehadiran kakitangan kolej kediaman, pensyarah dan kira-kira 500 pelajar.

Dalam ucapannya, Dr. Sopian mengatakan perlunya aktiviti seperti bazar ini untuk menghidupkan suasana kampus agar pelajar tidak bosan ketika berada di kolej kediaman.

Tambah beliau lagi, aktiviti

sebegini mampu melahirkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar seterusnya mewujudkan suasana "social gathering" di Unimas.

Program ini merupakan cetusan idea Naib Canselor Unimas, Profesor Dr. Khairuddin Ab Hamid dengan matlamat memeriahkan suasana kolej kediaman di Unimas.

Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada warga Unimas merasai sendiri kehangatan "berpasar malam" di dalam kampus.

BSU merupakan satu-satunya bazar yang diadakan bukan pada Ramadhan.

Sebanyak 30 gerai yang dikendalikan oleh ahli kelab dan persatuan seperti Kelab Keusahawanan Unimas (Kesisma), Sekretariat Rakan Muda dan Kelab Peramah menjual pelbagai jenis makanan, minuman, pakaian, majalah, aksesori wanita dan kraf tangan.

Menurut Dr. Sopian, 36, beliau bersyukur kerana sambutan terhadap bazar tersebut amat menggalakkan.

"Secara peribadi, saya merasakan objektif penganjuran bazar ini berjaya walaupun masih banyak yang perlu dibaiki pada masa yang akan datang.

"Bagi pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, kami merasakan program sebegini amat penting untuk mewujudkan semangat kerjasama dalam kalangan pelajar.

"Di samping itu, para pelajar dapat belajar mendalami asas berniaga dan berkomunikasi dengan orang ramai," katanya.

Tambahnya lagi, bazar tersebut akan diadakan dua kali sebulan.

"Ia diteruskan pada semester akan datang jika warga Unimas terus memberi sokongan moral memastikan program ini berjalan lancar.



Gerai menjual tudung antara gerai yang menjadi tumpuan warga Unimas.

## Kolej Cempaka lokasi bazar

**K**OLEJ Cempaka dipilih sebagai lokasi pertama bagi program ini disebabkan lokasinya yang strategik iaitu berada di tengah-tengah laluan ke Kampus Barat dan Timur.

Selain itu, kolej ini juga mempunyai ruang yang luas untuk dijadikan tapak bagi bazar tersebut.

Menurut Presiden Jawatankuasa Pelajar Kolej Cempaka, Intan Diana Sazali, 22, pelajar Tahun Dua, Pengajian Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM), beliau puas hati dengan sambutan yang diberikan oleh pelajar Unimas ke atas bazar

tersebut.

"Semasa kami menerima maklumat daripada pihak pentadbiran kolej mengenai penganjuran bazar, kami sangat teruja melakukannya kerana sebelum ini, tiada bazar seumpama ini dilakukan di Unimas.

"Jadi, kami berusaha melakukan yang terbaik dan kami sangat bersyukur kerana semua pihak memberikan kerjasama baik sebelum dan sepanjang bazar itu berlangsung.

"Penat lelah kami sepanjang menguruskan bazar berbaloi," katanya tersenyum.

Bagi pihak pengelola iaitu Jawatankuasa Pelaksana Bazar

Unimas, ia merupakan usaha murni yang akhirnya membuahkan hasil.

Pemilik gerai menjual minuman, WanBangdilah Wan Ahmad, 24, berkata, "peluang seperti ini amat bermanfaat dan menguntungkan, namun pada masa yang sama ia juga mengundang risiko.

"Bagaimanapun, kita perlu berani mengambil risiko tersebut kerana ia sudah menjadi lumrah dalam perniagaan," katanya.

Ditanya sama ada beliau masih berminat meneruskan perkhidmatannya pada bazar yang akan datang, beliau berbaloi," katanya tersenyum.

jar di sini sangat ramah dan ruang yang disediakan cukup selesa."

Bagi salah seorang pelajar yang mengunjungi gerai yang terdapat di bazar tersebut, Stephanie Niana Anak Bana, 20, pelajar Tahun Satu, Kejuruteraan Sivil, Fakulti Kejuruteraan, berkata, bazar sebegini perlu kerana ia memberi peluang bagi kalangan pelajar melampangkan fikiran.

"Walaupun saya datang agak lewat, saya dapat merasakan kemeriahan bazar ini dan sempat membeli beberapa jenis makanan seperti laksa dan karipap," kata Stephanie mengakhiri perbualan.



Pengerusi Jawatankuasa Pengetua Kolej Kediaman Unimas, Dr Sopian memisinkan ais sebagai simbolik pelancaran Bazar Siswa Unimas.



Antara pengunjung yang datang membeli makanan...



Selain makanan, majalah turut dijual...